

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai pada jam 1200, hari Jumaat, 7 Mei 2021



KENYATAAN MEDIA

BAGI PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA, MAC 2021

Perdagangan Borong & Runcit Malaysia Mengukuh 9.3 Peratus pada Mac 2021 untuk Merekodkan RM112.8 bilion

PUTRAJAYA, 7 MEI 2021 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MAC 2021** yang memaparkan statistik nilai jualan dan indeks volum bagi Perdagangan Borong & Runcit mengikut subsektor.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dalam satu kenyataan pada hari ini berkata, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan RM112.8 bilion pada Mac 2021 untuk merekodkan pertumbuhan tahun ke tahun yang positif buat pertama kalinya pada tahun ini dengan 9.3 peratus. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh Kenderaan Bermotor yang melonjak 40.7 peratus atau RM4.3 bilion kepada RM15.0 bilion. Perdagangan Runcit turut berkembang 10.5 peratus atau RM4.3 bilion kepada RM45.0 bilion. Perdagangan Borong juga menunjukkan tren menaik dengan peningkatan RM1.0 bilion atau 1.8 peratus kepada RM52.7 bilion. Sementara itu, nilai jualan

bulan ke bulan turut meningkat 4.4 peratus pada Mac 2021, dipacu oleh Kenderaan Bermotor yang melonjak 34.6 peratus. Berbanding dengan Mac 2019, iaitu sebelum pandemik COVID-19 berlaku, jualan Perdagangan Borong & Runcit juga menunjukkan pertumbuhan positif iaitu 3.0 peratus. Ini didorong oleh peningkatan perbelanjaan bolehguna rakyat kesan pengeluaran i-Sinar, i-Lestari dan peningkatan harga komoditi seperti kelapa sawit dan getah. Berdasarkan laporan LAKSANA, sebanyak RM40.4 bilion bagi program i-Sinar telah dikreditkan sehingga 15 April 2021. Insentif pengecualian cukai jualan kenderaan juga terus memainkan peranan dalam merangsang pembelian kenderaan bermotor.

Beralih kepada prestasi mengikut subsektor, Ketua Perangkawan memaklumkan, “Bagi Kenderaan Bermotor yang merekodkan pertumbuhan positif yang kukuh sebanyak 40.7 peratus, ia disumbangkan oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang melompat 60.4 peratus kepada RM8.9 bilion. Ini diikuti oleh Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal dengan 73.6 peratus untuk merekodkan RM1.6 bilion. Jualan Komponen & Aksesori Kenderaan Bermotor juga meningkat 7.0 peratus kepada RM3.0 bilion diikuti oleh Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor dengan pertumbuhan 7.2 peratus untuk mencapai RM1.5 bilion,” jelas beliau.

Mengulas lanjut mengenai subsektor Perdagangan Runcit, peningkatan 10.5 peratus adalah disumbangkan oleh jualan barangan keperluan dan juga barangan bukan keperluan. Jualan barangan bukan keperluan merekodkan pertumbuhan positif buat pertama kali selepas terkesan dengan pandemik sejak Mac 2020 terutamanya Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan dengan pertumbuhan dua digit 13.7 peratus kepada RM9.1 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Runcit Barangan Isi Rumah 15.0 peratus untuk merekodkan RM5.8 bilion dan Jualan Runcit Kelengkapan Informasi & Komunikasi 8.6 peratus kepada RM4.6 bilion. Pada tempoh yang sama, jualan barangan keperluan terus

menunjukkan peningkatan iaitu Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan yang mencatatkan 7.3 peratus kepada RM16.1 bilion tahun ke tahun. Ini diikuti oleh Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau yang naik 7.5 peratus kepada RM2.8 bilion. Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar juga meningkat 11.8 peratus kepada RM0.4 bilion diikuti oleh Jualan Runcit di Gerai & Pasar 12.1 yang berkembang 12.1 peratus kepada RM 0.1 bilion. Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan yang juga dikategorikan sebagai jualan barangan keperluan turut mencatatkan pertumbuhan positif 17.2 peratus kepada RM3.7 bilion setelah merekodkan pertumbuhan negatif sejak Mac tahun lalu.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menerangkan, "Bagi subsektor Perdagangan Borong yang naik 1.8 peratus pada bulan ini, ia disokong oleh Perdagangan Borong Makanan, Minuman & Tembakau dengan pertumbuhan 6.5 peratus untuk mencapai RM10.0 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Borong Barangan Isi Rumah yang meningkat 4.5 peratus untuk merekodkan RM10.2 bilion dan Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan dengan 4.9 peratus kepada RM4.3 bilion. Sebaliknya, Lain-Lain Pengkhususan Jualan Borong menunjukkan penurunan 2.5 peratus dan juga Jual Borong Berdasarkan Kontrak atau Yuran yang menguncup 2.3 peratus."

Bagi perbandingan bulan ke bulan yang mencatatkan pertumbuhan positif 4.4 peratus, ia dipacu oleh Kenderaan Bermotor yang meningkat 34.6 peratus atau RM3.9 bilion diikuti oleh Perdagangan Runcit dengan 1.7 peratus atau RM0.7 bilion. Perdagangan Borong juga meningkat secara marginal 0.3 peratus atau RM0.2 bilion pada tempoh yang sama.


Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin seterusnya memaklumkan, "Indeks jualan runcit dalam talian yang menggambarkan aktiviti e-dagang terus melonjak untuk merekodkan pertumbuhan 18.3 peratus tahun ke tahun. Bagi indeks jualan runcit

dalam talian pelarasan musim, ia meningkat 0.1 peratus berbanding bulan sebelum.”

Manakala bagi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan pertumbuhan 9.1 peratus tahun ke tahun. Ketua Perangkawan seterusnya memaklumkan bahawa pertumbuhan positif ini disokong oleh Kenderaan Bermotor yang meningkat 38.0 peratus. Ini diikuti oleh Perdagangan Runcit dan Perdagangan Borong masing-masing 9.6 peratus dan 2.3 peratus. Bagi indeks volum pelarasan musim, ia merosot 1.6 peratus bulan ke bulan.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara Bersemuka dan Dalam Talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit, Januari 2019 - Mac 2021



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

7 MEI 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Friday, May 7, 2021



MEDIA STATEMENT
FOR PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, MALAYSIA,
MARCH 2021

Wholesale & Retail Trade Malaysia Rebounds 9.3 Per Cent in March 2021 to Record RM112.8 billion

PUTRAJAYA, MAY 7, 2021 - The Department of Statistics Malaysia today released the **PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, MARCH 2021** which presents statistics on sales value and volume index of Wholesale & Retail Trade by sub-sector.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia in a statement today said, sales value of Wholesale & Retail Trade registered RM112.8 billion in March 2021 to record the first positive year-on-year growth in this year with 9.3 per cent. This increase was due to Motor Vehicles which surged 40.7 per cent or RM4.3 billion to RM15.0 billion. Similarly, Retail Trade expanded 10.5 per cent or RM4.3 billion to RM45.0 billion. Wholesale Trade also showed an uptick trend with an increase of RM1.0 billion or 1.8 per cent to RM52.7 billion.

Likewise, month-on-month sales value grew 4.4 per cent in March 2021, underpinned by Motor Vehicles which soared 34.6 per cent. Compared to March 2019, which was before the COVID-19 pandemic, sales of Wholesale & Retail Trade also showed a positive growth of 3.0 per cent. This was driven by the extra consumers disposable income due to withdrawal of i-Sinar, i-Lestari and the increase in commodity prices such as oil palm and rubber. Based on the LAKSANA report, a total of RM40.4 billion from the i-Sinar programme has been credited until April 15, 2021. Vehicle sales tax exemption incentives also continue to play a role in stimulating the purchase of motor vehicles.

Looking at the performance across sub-sectors, the Chief Statistician informed, "For Motor Vehicles which recorded a strong positive growth of 40.7 per cent, it was attributed to Sales of Motor Vehicles which jumped 60.4 per cent to RM8.9 billion. This was followed by Sale, Maintenance & Repair of Motorcycles with 73.6 per cent to record RM1.6 billion. Sale of Motor Vehicles Parts & Accessories also grew 7.0 per cent to RM3.0 billion followed by Maintenance & Repair of Motor Vehicles with a growth of 7.2 per cent to reach RM1.5 billion," he explained.

Commenting further on Retail Trade sub-sector, the increase of 10.5 per cent was contributed by both sales of essential and non-essential products. Sales in non-essential products recorded the positive growth for the first time after they were hit by the impact of the pandemic since March 2020 mainly Retail Sale in Specialised Stores with double digit 13.7 per cent to RM9.1 billion. This was followed by Retail Sale of Household Goods 15.0 per cent to record RM5.8 billion and Retail Sale of Information & Communication Equipment 8.6 per cent to RM4.6 billion. Within the same period, sales of essential goods continued to post a positive growth namely Retail Sale in Non-specialised Stores which registered 7.3 per cent to RM16.1 billion year-on-year. This was followed by Retail Sale of

Food, Beverages & Tobacco which rose 7.5 per cent to RM2.8 billion. Retail Trade not in Stores, Stalls or Markets also grew 11.8 per cent to RM0.4 billion followed by Retail Sale via Stalls & Markets which increased 12.1 per cent to RM0.1 billion. Retail Sales of Automotive Fuel, which also categorized as essential goods, registered a positive growth of 17.2 per cent to RM3.7 billion after recorded a negative growth since March last year.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also informed, "For Wholesale Trade sub-sector which increased 1.8 per cent in this month, it was supported by Wholesale of Food, Beverages & Tobacco with 6.5 per cent of growth to settle at RM10.0 billion. This was followed by Wholesale of Household Goods which grew 4.5 per cent to record RM10.2 billion and Wholesale of Machinery, Equipment & Supplies of 4.9 per cent to RM4.3 billion. However, Other Specialised Wholesale recorded a fall of 2.5 per cent as well as Wholesale on a Fee or Contract Basis which contracted 2.3 per cent."

For month-on-month comparison which registered a positive growth of 4.4 per cent, it was spearheaded by Motor Vehicles which jumped 34.6 per cent or RM3.9 billion followed by Retail Trade with 1.7 per cent or RM0.7 billion. Wholesale Trade also rose marginally with 0.3 per cent growth or RM0.2 billion within the same period.


Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also went on to note that, "Online retail sales index, which portrays e-commerce activity continued to surged to record 18.3 per cent growth year-on-year. As for seasonally adjusted retail sales index, it increased 0.1 per cent as against the previous month."

In terms of volume index, Wholesale & Retail Trade registered a year-on-year growth of 9.1 per cent. The Chief Statistician went on to note that the expansion was supported by Motor Vehicles which increased 38.0 per cent. This was followed by Retail Trade and Wholesale Trade with 9.6 per cent and 2.3 per cent

respectively. As for seasonal adjusted volume index, it fell 1.6 per cent month-on-month.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face to face and online (e-Census) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1: Sales Value of Wholesale & Retail Trade, January 2019 – March 2021



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

7 MAY 2021